



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S) 106/2018(JPP)
TARIKH : 09 NOVEMBER 2018

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** dalam **Kod Bidang 221002 (Membersih Kawasan)** bagi perolehan yang berikut:

**“KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN PERUMAHAN KAKITANGAN
AWAM KG. BUKIT KUDA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK
PERBADANAN LABUAN”**

2. Dokumen sebut harga berharga **RM 15.00** (tidak dikembalikan) boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Kaunter Bayaran, Tingkat 1, Wisma Perbadanan Labuan** mulai **16.11.2018** sehingga **23.11.2018** Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tarikh yang dinyatakan.
3. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BESERTA SATU SALINAN** dari **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**
4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat / lawatan tapak pada **15.11.2018**. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **Bilik Cemerlang, Tingkat 4, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan** pada hari tersebut sebelum jam **2.00 petang**.
5. Hanya penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebutharga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama di dalam sijil. Oleh itu syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak. (Rujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013)
6. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga No. 1 di Tingkat 2, Wisma Perbadanan Labuan** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **26.11.2018**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri dan bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HL HADY BIN HAMIDUN)
b.p. **Ketua Pegawai Eksekutif**
Perbadanan Labuan